



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA  
RABU , 2 MEI 2018**

1. PETANI, PENTERNAK DAN PELDANGA DISARAN DAFTAR myGAP- UTUSAN, ONLINE
2. USAHAWAN TANI DIGALAK MILIKI PENSIJILAN myGAP – SH, NASIONAL, 9
3. KE MANA HALA TUJU INDUSTRI PADI PASCA PRU 14- ASTRO AWANI, ONLINE
4. ASAL JADI DUIT, KAMI AKAN KERJA, PESAWAH- ASTRO AWANI, ONLINE
5. CALON BN BESERAH TEKAD TERUS PERJUANGKAN KEBAJIKAN NELAYAN – KOSMO, PRU 14, 13
6. NELAYAN DAPAT RM2,000 JIKA BN MENANG – SH, SENTRAL, 30
7. TAK GENTAR LAWAN ORANG POPULAR – SINAR, ONLINE
8. TUN DAIM SAYS UMNO IS ILLEGAL PARTY, VOWS TO FIGHT FOR JUSTICE – THE EDGE MARKETS, ONLINE
9. MEMACU SEKTOR PERTANIAN SABAH UNTUK MASA DEPAN – BH, ONLINE
10. NELAYAN SEBAGAI IKON PADA MASA HADAPAN – UTUSAN, ONLINE
11. BN GEMPUR SEKINCHAN BAGI RAIH UNDI CINA – MALAYSIA KINI, ONLINE
12. KAWASAN EMPANGAN PEDAS TAPAK WARISAN DUNIA? – UTUSAN, ONLINE

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
{UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA}**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	UTUSAN	ONLINE	

Petani, penternak dan peladang disaran daftar myGAP



Ismail (dua dari kanan) meninjau reruai yang dibuka sempena Pelancaran Promosi dan Jualan Hasil Tani myGAP di sini.

[Mohammad Al Faizal Abdul Karim](#)

01 Mei 2018 3:12 PM

KUALA LUMPUR 1 Mei- Petani, penternak dan peladang disaran untuk mendapatkan sijil Malaysia Good Agricultural Practices (myGAP) bagi memastikan kualiti hasil keluaran mereka terjamin.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar berkata, pensijilan itu penting sebagai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi amalan pertanian yang baik.

Pensijilan myGAP besar kesannya terutama dalam menarik keyakinan masyarakat terhadap keluaran tempatan.

“Oleh itu saya sarankan semua petani, penternak dan peladang di negara ini daftarkan hasil keluaran mereka di bawah program ini segera,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Promosi dan Jualan Hasil Tani myGAP di AEON Alpha Angle, Wangsa Maju. - UTUSAN ONLINE

MURHAMMAD FAIZ SUTONG

KUALA LUMPUR

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menggalakkan petani, penternak serta pengusaha ladang mendapatkan pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

Ketua Setiausaha MOA, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, pensijilan yang diberikan percuma kepada usahawan-usahawan tani yang memenuhi kriteria, penting untuk pematuhan standard di sektor pertanian.

Bellau berkata, produk yang dikiraf dengan pensijilan tersebut adalah layak untuk menggunakan logo myGAP dan dipopularkan sebagai jenama hasil tani Malaysia yang segar, berkualiti dan selamat.

"Untuk makluman, sehingga kini lebih 5,000 usahawan tani meliputi ladang pertanian (3,458), akuakultur (356) dan ladang ternakan (2,601) telah mempunyai pensijilan myGAP," katanya ketika berucap merasmikan Program Promosi dan Jualan Hasil Tani MyGAP, semalam.

Menurutnya, pensijilan skim myGAP merupakan pematuhan standard amalan pertanian yang terkini daripada Kementerian setelah dijenamakan semula sejak 2013.

"Sebelum 2013, pematuhan standard pertanian dilaksanakan berdasarkan komoditi lalu Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) pada 2002, Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) pada 2003 dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) pada tahun 2004.

"Selain myGAP, Skim Organik Malaysia yang dilaksanakan pada tahun 2003 dan 2012 turut dijenamakan semula sebagai myOrganic pada tahun 2015," katanya.

Ismail berkata, pensijilan myGAP juga membolehkan usahawan tani menggunakan logo Malaysia's Best (MB) yang diperkenalkan oleh MOA sejak 2002 dan

## Usahawan tani digalak miliki pensijilan myGAP



dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (BAMA).

Katanya, MB merupakan program nasional bertujuan memperkenalkan produk tempatan yang dipukul berkualiti dan selamat selain mencapai standard yang ditetapkan Kementerian.

Menurutnya, kawalan standard bekuan bermula daripada amalan pengurusan ladang sehingga kepada aktiviti kapas tuai seperti pengendalian, pembungkusan dan pelabelan.

"MOA perkenalkan logo MB sebagai mohor kualiti sebagai satu jenama atau identiti kepada hasil pertanian yang dapat bersaing bagi memenuhi kehendak pasaran

tempatan dan antarabangsa, malah menjadi jenama pilihan kepada pengguna dan pengguna.

"Pada peringkat awal dahulu, hanya lima jenis buah-buahan sahaja yang dipukul untuk mengguna meterai logo MB ini iaitu belimbing, mangga, nenas, betik dan tembikai.

"Melalui program MB ini juga mampu melabikan

identiti produk yang mempunyai daya jejak (traceability), justeru memudahkan proses pengesanan semula sumber makanan dari aspek bioselurit," katanya.

Sementara itu, pada majlis sama, turut berlangsung sesi penyempitan Sijil Malaysia's Best kepada 27 pengusaha pertanian yang mengeluarkan hasil komoditi buah-buahan dan sayur-sayuran.

Sementara itu, mengulas berkaitan Program Promosi dan Jualan Hasil Tani MyGAP, Ismail berkata, pengajuran program berkenaan selaras dengan hasrat kerajaan mempertingkatkan hasil pengeluaran pertanian menerusi prinsip Amalan Pertanian Baik berdasarkan standard myGAP di Malaysia.

Program berkenaan berlangsung selama sembilan hari bermula 28 April 2018 hingga 6 Mei 2018 di Aeon Wangsa Maju, Alpha Angle, di sini.

Antara kegiatan menarik sepanjang program berkenaan termasuk pameran dan jualan hasil pertanian myGAP dan myOrganic dengan harga murah, pelbagai aktiviti di renal seperti demonstrasi masakan, pelbagai peragaan untuk kanak-kanak serta peluang mewujudkan rangkaian perniagaan di kalangan usahawan khususnya dalam meningkatkan strategi pemasaran hasil pertanian.

Tinjauan *Sinar Harian* ke program berkenaan mendapati sambutan hebat diberikan pengunjung yang sangat tertarik dengan pameran diadakan.

Selain dapat melihat lebih dekat hasil tani myGAP dan myOrganic, pengunjung turut berpeluang membeli hasil yang dijual dengan tawaran harga yang menarik.



Ismail mereduca salah satu produk hasil tani.



Ismail melihat berduka di gerai jualan hasil pertanian dengan harga murah.



Ismail ketika hadir merasmikan Program Promosi dan Jualan Hasil Tani MyGAP, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Ke mana hala tuju industri padi pasca PRU14?

[Ahmad Khairol Shafizan Johari](#), Astro Awani | 📅 Mei 01, 2018 12:24 MYT



Majoriti pesawah di Malaysia masih miskin dengan purata hasil 4.8 tan sehektar dan purata saiz sawah 1.26 hektar. - Gambar fail

**INDUSTRI** padi Malaysia tidak banyak berubah dan masih berada dalam keadaan sama sejak tahun 70-an dan 80-an.

Ketua Pegawai Operasi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) Nurfitri Amir Muhammad mendedahkan, menurut hasil kajian beliau majoriti pesawah di Malaysia masih berada bawah garis kemiskinan, menerima pendapatan bulanan antata RM500 dan RM700 sebulan.

“Majoriti pesawah di Malaysia masih miskin dengan purata hasil 4.8 tan sehektar dan purata saiz sawah 1.26 hektar,” jelasnya kepada *Astro AWANI*.

Tambahnya, daripada 100 tan padi yang dituai diproses dikilang, secara purata hanya 64 tan sahaja dapat ditukar kepada beras menyebabkan kadar produktiviti industri padi kekal rendah.

“Lebih mengecewakan, rata-rata pesawah tergolong dalam kategori bekerja sendiri, menyebabkan mereka tidak akan menerima manfaat gaji minimum yang dijanjikan oleh parti-parti bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14),” tambahnya.

Oleh itu, beliau turut berharap mana-mana parti yang dapat membentuk kerajaan dapat menyelesaikan lima perkara pokok yang membelenggu pendapatan pesawah di Malaysia.

1. Ketika ini, pengilang membayar harga tetap RM1,200 bagi satu tan padi.

Walaupun ditambah RM300 satu tan sebagai subsidi penghasilan harga padi, ia masih tidak dapat menyamai jumlah gaji minimum yang dicadangkan iaitu RM1,500 sebulan sekiranya pesawah tidak mempunyai sawah yang luas. Ia diburukkan lagi dengan potongan pemutuan oleh kilang-kilang beras yang tinggi antara 20 peratus hingga 50 peratus daripada berat hasil tuaian.

2. Kos bersawah yang semakin meningkat melibatkan kos benih, racun, upah bajak, upah racun, kos khidmat jentera menuai. Bagi yang menyewa sawah, harga sewa juga naik sehingga dua kali ganda sejak beberapa tahun lalu.
3. Kualiti benih yang semakin merosot terutamanya apabila benih yang popular dan cukup berkesan sebelum ini kini sudah mudah diserang penyakit.
4. Orang tengah yang telah memberi pinjaman modal bersawah menyebabkan pesawah terdedah kepada risiko eksploitasi atau penipuan. Banyak pesawah hidup dalam keadaan sentiasa berhutang dan mewariskan hutang.
5. Berlaku lambakan beras import di Malaysia menyebabkan jualan beras tempatan terjejas. Laporan menyebut terdapat 200,000 tan beras asing diseludup masuk ke negara ini setiap tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	ASTRO AWANI	ONLINE	

## 'Asal jadi duit, kami akan kerja' - Pesawah

[Hilal Azmi](#), Astro Awani | 📅 Mei 01, 2018 14:43 MYT



Along serta keluarga mahu pemimpin yang dekat dengan rakyat malah mudah untuk didekati. - Astro AWANI

**JERLUN:** Menelusuri Jalan Jitra-Kodiang, kita akan dihidangkan dengan hamparan jelapang padi yang saujana mata memandang.

Di sini letaknya Parlimen Jerlun yang menaungi dua kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu DUN Kota Siputeh dan DUN Ayer Hitam.

Dengan rekod seramai 54,132 pemilih, Parlimen ini menjadi tumpuan ramai pihak kerana ekosistem politiknya yang penuh rencam.

Ketika singgah di Pekan Kodiang, kami mendapati harga barangan basah di sini jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga ikan di pasar lain.

“Mai mai!!! (Ikan) termenung sekilo empat ringgit.. sekilo empat ringgit...” jerit salah seorang penjual.

Akan tetapi mata kami tertumpu kepada salah seorang penjual ikan lampam dan belida kerana pernah berjumpa di salah sebuah kedai kopi sebelum ini.

“Macam mana boleh jual ikan pulak?” Tanya saya kepada Along atau nama sebenarnya Mohd Shukor Mustafa.

“Ala... Macam ni la kami ni, time takda buat apa, kami tahan pukut la nak cari duit paket (poket),” jawabnya ringkas.



Along berkongsi cerita tentang penat lelahnya membanting tulang demi menyara keluarga. - Astro AWANI/Hilal Azmi

Along merupakan anak sulung daripada tiga beradik. Sudah punya dua anak, manakala isterinya pula suri rumah berasal dari Kelantan.

Bapanya seorang pesawah manakala ibunya pula menjalankan perniagaan menjual nasi lemak dan nasi campur untuk makan tengah hari di depan rumah.

Pertemuan itu berlanjutan sehingga Along selesai menjual ikan di Pasar Kodiang. Seterusnya, kami bersarapan di gerai ibunya kira-kira 3 kilometer dari pekan.

"Lepas keluar ILP (Institut Latihan Perindustrian), tak ada kerja, Along buat kerja (sawah) padi dan tahan pukat.

"Padi tu kan pendapatan (hanya dapat diraih) enam bulan sekali. Sementara nak boleh dapat duit padi tu, kita tahanlah pukat untuk (dapat) duit sampingan," terang Along sambil menghirup teh 'O' panas.

### **Berbaloikah kegijihan ini?**

Ketika ditanya mengenai jerih payah orang yang menjalankan lebih daripada satu pekerjaan, Along tenang menyusun jawapan berdasarkan pengalamannya.

"Macam Along, bukan takat (setakat) satu kerja saja.

"Melainkan pesawah ada banyak tanah dan dia boleh tumpu kat situ saja.

"Macam Along ni, bendang buat sikit. Itu pun sewa. Memang takkan cukup duit dari kerja bendang. Maka, kenalah buat kerja lain juga," jelasnya.

Along mengakui, dalam soal kerja, dia hanya 'tangkap muat'. Asalkan boleh mendatangkan pendapatan, dia akan lakukan.

"Kalau kemarau lama, pukat pula tak jalan, buat rumah pun boleh. Asalkan jadi duit," ulangnya lagi.



Along mempertaruh tenaga dan masanya untuk melakukan lebih daripada satu pekerjaan. - Astro AWANI/Hilal Azmi

Menurut Along, menjadi nelayan sungai bukanlah semudah yang disangka kerana pendapatannya juga bergantung kepada rezeki.

"Macam kami ni kerja tiga orang.

"Pernah dapat naikkan ikan seperti jelawat dan siakap. Secara purata dapatlah RM165 seorang.

"*Time* tak ada apa tu biasanya boleh (berbahagi), dan seorang akan dapat antara RM40 atau RM50 seorang," jelas Along.

Apabila ditanya kenapa tidak cuba menjadi nelayan laut, Along mengakui, dia tidak tahan dengan keadaan tersebut dan mudah mabuk laut.

Sebaliknya, dia sudah terbiasa dengan ekosistem sungai yang terhubung secara simbiosis dengan fitrah kerjanya sebagai seorang pesawah.

Berdasarkan cerita Along, dengan pendapatan yang dibawa pulang itu, sama ada sedikit atau banyak, kira-kira 60 peratus daripadanya akan dibelanjakan untuk membeli barangan dapur.

Sentimen yang sama turut dialami oleh ramai lagi penduduk di kawasan tersebut, dan mereka mengharapkan ada jalan untuk memperoleh pendapatan yang lebih menjanjikan keselesaan.



Bagi kumpulan pemilih di Jerlun yang membentangkan harapan mereka seluas bendang sawah ke kanvas langit, ada satu perkara yang mereka mahukan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Mereka mahukan pemimpin yang mudah didekati dan mendengar cerita mereka. Biasanya, individu yang sering bersama mereka dan memahami situasi, tidak sukar untuk diangkat sebagai wakil rakyat di situ.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	KOSMO	PRU 14	13

## Calon BN Beserah tekad terus perjuangkan kebajikan nelayan



SUHAIMI (duduk tiga kiri) beramah mesra bersama nelayan pada Program Ramah Mesra Bersama Nelayan di Pasar Nelayan Balok, Kuantan semalam.

KUANTAN - Datuk Suhaimi Sulong, calon muka baharu yang diketengahkan oleh Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Beserah pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) bertekad untuk memperjuangkan kebajikan nelayan di kawasan itu jika memenangi kerusi itu.

Suhaimi, 47, yang juga Ketua Penerangan BN Indera Mahkota berkata, beliau sudah mempunyai empat cadangan untuk membantu nelayan dan keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Masalah nelayan di kawasan ini berlarutan selama 10 tahun sejak ia berada

di bawah pembangkang. Jika diberikan kepercayaan untuk mewakili mereka, BN akan membantu segi penempatan, baik pulih kawasan tangkapan, kebajikan keluarga nelayan serta memastikan tidak ada kecaciran berlaku kepada mereka," katanya kepada Bernama pada Program Ramah Mesra Bersama Nelayan Pantai di Pasar Nelayan Balok di sini

semalam.

Program ini turut dihadiri Pengerusi Nelayan Kampung Balok, Raja Haris Raja Salim.

Suhaimi berkata, BN juga akan membantu dari segi meningkatkan kualiti kawasan tangkapan ikan dengan me-

nambah tukun bagi memastikan nelayan mendapat hasil tangkapan yang lebih baik.

Mengikuti rekod, terdapat seramai 300 nelayan di kawasan Beserah dan nasib mereka akan terus terbela di bawah pemerintahan kerajaan yang diterajui BN.

"Kita juga akan bantu nelayan supaya tidak bergantung sepenuhnya dengan hasil tangkapan, sebaliknya melibatkan diri dengan aktiviti hiliran lain supaya dapat menjadi sumber rezeki terutama ketika musim tengkujuh" katanya.

Pada PRU-14, Suhaimi akan berdepan pertandingan tiga penjuar menentang penyandang kerusi Andansura Rabu (Pas) serta calon PKR, Zulkaffi Mohamed.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	SINAR HARIAN	SENTRAL	30

## Nelayan dapat RM2,000 jika BN menang

SEKINCHAN - Sebanyak RM2,000 akan diberikan kepada setiap nelayan di kawasan ini sekiranya BN menang pada PRU14. Janji itu diberikan Pengerusi BN Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunus ketika berucap kepada 800 nelayan Sekinchan, kelmarin.

Jamal berkata, beliau mahu nelayan di sini tidak lagi menyokong calon DAP, Ng Suee Lim yang bertanding untuk penggal keempat.

"Bagi menang calon BN daripada MCA di Dun Sekinchan.

Bellau menang sahaja, tuan-tuan dan puan-puan boleh tuntutan dengan saya RM2,000 selepas ini," katanya.

Jamal yang juga Ketua Umno Bahagian Sungai Besar berkata, bantuan wang tunai itu akan diberikan secara berterusan.

"Kita bantu apa yang tuan-tuan dan puan-puan perlukan.



Jamal ketika berucap di hadapan 800 nelayan Sekinchan, kelmarin

Kali ini saya percaya tuan-tuan akan memberi undi kepada calon BN," katanya.

BN meletakkan Budiman Mohd Zuhdi untuk mempertahankan Parlimen Sungai Besar dan dua calon muda iaitu Lee Yee Yuan di Dun Sekinchan dan Datuk Mohd Imran Tamrin di Dun Sungai Panjang.

Ketiga-tiga calon BN itu turut hadir dalam majlis berkenaan.

Jamal berkata, setiap permasalahan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di kawasan itu akan cuba diselesaikan oleh kerajaan BN.

"Cukuplah tuan-tuan dan puan-puan, janganlah bagi Ng Suee Lim (undi), ada masalah nelayan, saya yang bantu, YB Budiman, kerajaan BN," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	SINAR	ONLINE	

## Tak gentar lawan orang popular

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

1 MEI 2018



*Mohd Shamsudin (dua,kiri) meninjau kawasan ketika mengunjungi Pusat Pukul Padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Karang di Tali Air 1, Tanjung Karang.*

TANJONG KARANG – Calon BN Dun Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias tidak gentar berdepan dengan populariti calon Pas yang juga penceramah selebriti, Mohd Zamri Mohd Zalnuddin menjelang PRU14 ini.

Menurutnya, pengundi bukannya melihat kepada faktor populariti seseorang calon semata-mata tetapi lebih kepada keupayaan untuk memberikan khidmat terbaik untuk membela nasib mereka.

“Orang bukannya lihat kepada populariti semata-mata kerana dalam soal kerja wakil rakyat ini cukup berbeza kerana mereka mahukan pemimpin yang mampu memberikan khidmat terbaik.

“Saya lihat calon Pas ini adalah baharu dan belum lagi teruji keupayaannya namun pengundi boleh lihat rekod saya sepanjang tiga penggal berkhidmat sebagai wakil rakyat kawasan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pertembungan tiga penjuror Dun Sungai Burong dengan Pas menonjolkan calon popular manakala calon Pakatan Harapan (Harapan), Mohd Tarmizi Lazim.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	THE EDGE MARKETS	ONLINE	

## Tun Daim says UMNO is illegal party, vows to fight for justice

May 01, 2018 21:49 pm +08

ALOR SETAR (May 1): Former Finance Minister and UMNO treasurer-general Tun Daim Zainuddin said UMNO is illegal and he cannot be a member of an illegal society, hence he is coming out to "fight for justice" by speaking at Pakatan Harapan (PH) event.

"I am fighting for justice for the people. I am not scared of disciplinary action being taken against me because UMNO is an illegal society and under the law, I cannot be a member of an illegal society," he told reporters after meeting with voters in Pendang today.

UMNO has not held its elections at Supreme Council, division and branch levels, since October 2013 but the Registrar of Societies (RoS) approved its application to postpone the elections till April 19, 2019 although the dominant political party should have conducted its polls by April 19 this year.

Since its last election, it would have been 54 months in April, which is the maximum limit stated in UMNO's constitution, resulting in claims that the party is illegal.

When asked, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Supreme Council member and a personal friend of Daim, Datuk A Kadir Jasin said the former could be sacked by UMNO but "maybe later".

"From his comment, you can tell that he does not want to be a member but he is not going to write a letter and say he is leaving the party. However, from what he has said now, UMNO might take action but not now, maybe later," he told theedgemarkets.com

The ex-Finance Minister was also asked to comment on his speaking arrangements at PH events particularly those involving or related to former Prime Minister Tun Dr Mahathir

Mohamad, who is also his close friend. Daim is also widely speculated to be funding the Opposition coalition's campaign.

Though Daim has yet to comment on speculation that he is funding the campaign, he has promised to build 1,500 houses for people in Langkawi, and a new hospital in Pendang if PH is voted in, Kadir added.

"Yes the construction of the hospital has been postponed many times. We will look into it once we are voted in," Daim said.

Kadir, who used to be New Straits Times group editor-in-chief, has been seen following Daim and Mahathir in talks organised by the Opposition coalition.

In a talk organised by Pendang Parliamentary candidate Wan Saiful Wan Jan for voters who were mostly farmers, Daim said there can be no improvement in the lives of padi farmers as long as they carry on in that trade.

"Have you heard of a padi farmer becoming a millionaire? Malays are still far behind although we have been independent for 60 years. Let Mahathir win, he has come back to fight for the country, for people's wellbeing. He is sacrificing in his old age for us. You want to deny him that?" he said.

He told the people that it was during Mahathir's 22 years' tenure as Prime Minister that highways, Kuala Lumpur International Airport and Kuala Lumpur City Centre were built.

"The cost of living did not go up during his time and the goods and services tax was not introduced then. So please vote for candidates with the eye logo so it will remind you to open your eyes," Daim added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	BH	ONLINE	



KERAJAAN negeri komited membangunkan sektor pertanian bagi meningkatkan kualiti, produktiviti dan bekalan yang berterusan.

## Memacu sektor pertanian Sabah untuk masa depan

SEKTOR pertanian yang menjadi tonggak rakyat dan termaktub dalam Dasar Halatuju Kerajaan Barisan Nasional Sabah, akan diteruskan sebagai agenda utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

Kerajaan pimpinan BN memulakan perancangan 10 tahun bermula 2017 hingga 2026 menerusi Dasar Pertanian Sabah ke-3 untuk memperkukuhkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian serta memastikan kemampanan jangka panjang sektor berkenaan di negeri ini.

Ini bukti jelas komitmen kerajaan negeri dalam membangunkan sektor pertanian bagi meningkatkan kualiti, produktiviti dan bekalan yang berterusan, sekaligus meningkatkan pendapatan para peladang, petani, penternak dan nelayan.

Sebagaimana yang dinyatakan, sektor pertanian adalah salah satu daripada tiga teras dalam Dasar Halatuju Kerajaan Negeri, seiring dengan sektor pelancongan dan pembuatan. Pembangunan ketiga-tiga sektor ini, yang kemudiannya ditambah dengan sektor pembangunan sumber manusia, menjadi agenda utama Ketua Menteri, Tan Sri Musa Aman, yang berpandangan jauh selaras dengan wawasannya untuk terus memperhebatkan pembangunan bagi merealisasikan transformasi di Negeri Sabah.

Sepanjang tempoh kepimpinannya jua, apa yang terkandung di dalam Dasar Halatuju Kerajaan Negeri telah berjaya dilaksanakan, khususnya dalam sektor pertanian, menjadikan Sabah sebagai pusat kecemerlangan dan perdagangan untuk produk-produk berasaskan pertanian.

Menyedari akan kedudukan kelapa sawit sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Negeri juga menggalakkan pengeluaran atau penghasilan produk-produk berasaskan minyak sawit

melalui aktiviti hiliran. Langkah itu adalah bagi memberikan nilai tambah kepada produk-produk berasaskan minyak sawit untuk mempelbagaikan serta mempertingkatkan produktiviti sektor berkenaan.

Sektor pertanian menyumbang kira-kira 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2016, dengan kedudukan negeri ini yang terus menjadi pengeluar minyak kelapa sawit terbesar negara. Nilai eksport bahan kimia berasaskan sawit juga meningkat dengan ketara daripada RM43.2 juta pada tahun 2012 kepada RM554.2 juta pada tahun 2016.

Pelan tindakan untuk menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian juga dilaksanakan dengan meningkatkan infrastruktur asas, pusat pemprosesan, penyelidikan pertanian, meningkatkan bilangan buruh mahir dan insentif pelaburan khusus untuk perniagaan berskala besar dan keselamatan bio.

Dasar pertanian negeri yang pertama telah dilancarkan pada tahun 1992 sehingga 1998, manakala untuk tempoh yang kedua bermula dari tahun 1999 hingga 2016. Sejak 2017, dasar pertanian negeri mula memasuki fasa yang ketiga yang dianggap fasa paling mencabar dengan beberapa perancangan besar untuk pembangunan sektor pertanian di negeri ini.

Dasar Pertanian Negeri digubal bagi memperkukuhkan pertumbuhan produktiviti dan daya saing sektor pertanian sebagai sektor terpenting dalam kehidupan dan kesejahteraan rakyat serta kemajuan negeri.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	UTUSAN	ONLINE	

Nelayan sebagai ikon pada masa hadapan



HASAN ABD. RAHMAN (tengah) ketika bersama para nelayan daerah Jasin dalam satu majlis ramah mesra di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Sungai Rambai, Melaka hari ini. - UTUSAN ONLINE/MOHD. AZIM ABD. RAHMAN

[Harith Nizar](#)

01 Mei 2018 1:47 PM

JASIN 1 Mei - Kerajaan negeri berhasrat untuk menjadikan para nelayan sebagai ikon bagi membolehkan mereka menonjol dalam 'pameran nelayan negara' yang boleh dibanggakan pada masa hadapan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hasan Abd. Rahman berkata, para nelayan berkenaan akan menjadi contoh kepada rakan seperjuangan yang lain untuk berjaya.

"Antara kriteria diperlukan adalah nelayan yang berjaya menangkap ikan yang banyak serta menuai hasil lumayan dengan kesungguhan ditunjukkan mereka di samping memajukan keluarga masing-masing.

"Pada masa sama, anak-anak mereka turut berjaya dalam kehidupan dari segi pendidikan, sekali gus membuktikan bahawa sektor nelayan ini mempunyai masa depan yang cerah serta diwarisi oleh anak dan cucu mereka," katanya.

Hasan yang juga calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi N.28 Sungai Rambai berkata demikian ketika ditemui dalam satu majlis ramah mesra mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron bersama para nelayan di daerah ini di sini sebentar tadi. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	MALAYSIA KINI	ONLINE	

## **BN gempur Sekinchan bagi raih undi Cina**

[Annabelle Lee dan Wong Kai Hui](#)



Makanan dan konsert percuma, hologram Perdana Menteri Sementara Datuk Seri Najib Razak serta peluang memenangi motosikal berserta wang tunai RM25,000 - ini sebahagian daripada habuan yang ditawarkan oleh BN Sekinchan kepada penduduk setempat dalam usaha merampas perkampungan nelayan itu daripada DAP.

Malam semalam, sebahagian besar jalan menuju ke pekan Sekinchan ditutup untuk membolehkan konsert jerayawara calon BN diadakan.

Sejam sebelum majlis rasmi bermula, kira-kira 1,500 orang dijamu makanan bufet percuma. Ini termasuk sajian ketam, itik panggang, ayam, laksa dan burger yang ditempah khas.

Ini disusuli dengan ucapan penyandang Ahli Parlimen BN-Umno Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi, kepada hadirinnya yang rata-rata adalah masyarakat Cina.



Beliau turut menyelitkan beberapa ungkapan dalam Mandarin. Menamakan dirinya sebagai "Ah Man", dia juga menyanyikan lagu Cina in bertajuk "Besok akan lebih baik".

"Banyak isu sawah padi, (calon DAP) Ng Suee Lim tak boleh selesaikan. Jadi mesti ada Ah Man, saya Budiman, tolong selesaikan.

"Kita bawak nelayan balik dari Indonesia. Kita bantu petani dan nelayan baik-pulih kalong, kita bagi saguhati kepada petani India, petani Cina, petani Melayu kerana sawah padi rosak..."

"Kita bantu semua. Ini Sekinchan mesti perlukan masa depan yang lebih baik. *Ming tian hui geng hao* (esok akan lebih baik)," katanya



Budiman, yang bertanding buat kali kedua di Parlimen [Sungai Besar](#), sebelum ini berkata beliau terlibat dalam mendapatkan pembebasan awal nelayan Chia Kee Chan dari penjara Indonesia.

Calon BN-MCA bagi kerusi Sekinchan adalah seorang Lee Yee Yuan yang berusia 29 tahun. Beliau seterusnya naik ke pentas dan memperkenalkan dirinya sebagai anak tempatan yang komited untuk membawa kehidupan yang lebih baik kepada penduduk setempat.

"Anak muda ini nak membangunkan Sekinchan dengan semua. Anak muda ini, sebab muda, kurang pengetahuan, tapi dari tunjuk ajar dari semua, kita berubah!"

"Selain itu, anak muda menumpukan perhatian sepenuhnya kepada perkhidmatan sebab bagi orang muda perkhidmatan adalah lebih penting daripada bercakap..."



"Keperluan rakyat di sini bukanlah (menuntut yang) mewah-mewah, cakap-cakap panjang, janji bulan bintang, ini adalah perkhidmatan yang memang tumpu pada rakyat

"Tentu akan bersama dengan semua, itu rumah tak lari pun, saya anak tempatan, anak jati Sekinchan, tetap akan ada di Sekinchan dengan semua," kata kata Lee sambil mengagihkan risalah manifesto kepada penonton.

Terdahulu, para penonton mengagumi hologram 3D Najib yang bercakap mengenai janji-janji BN dalam manifesto PRU14.

Para hadirin kemudiannya turut dihiburkan oleh penyanyi yang mendendangkan lagu dalam bahasa Melayu, Mandarin dan Hokkien sambil diselang-selikan dengan mesej supaya menyokong BN dan MCA.

Fokus malam itu adalah terhadap penganjur majlis berkenaan dan ketua BN Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos yang mengumumkan bahawa hadiah utama cabutan bertuah pada malam itu berupa sebuah motosikal berserta wang tunai RM25,000.

Beliau juga berkata BN berjaya mengumpulkan sebanyak RM150,000 dalam bentuk sumbangan daripada hadirin pada majlis itu.



Bercakap kepada *Malaysiakini* sebelum acara bermula, Jamal menafikan bahawa dirinya mahupun BN yang menaja acara berkenaan dan berkata hadiah cabutan bertuah itu dibiayai oleh perniagaan tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2018	UTUSAN	ONLINE	

## Kawasan Empangan Peda Tapak Warisan Dunia?



Beberapa pelajar UniSZA mendengar penerangan daripada pegawai Jabatan Mineral dan Geosains (kiri) ketika melawat tapak penemuan fosil di kawasan Empangan Paya Peda, Hulu Besut semalam.

[Kamarudin Hamzah](#)

01 Mei 2018 6:30 PM

BESUT 1 Mei - Kawasan penemuan fosil tumbuhan kuno di Empangan Paya Peda Hulu Besut, dekat sini berkemungkinan akan dicadangkan sebagai status Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) selepas kajian lengkap mengenainya disiapkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar, Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Nawi Mohamad berkata, fosil yang terdapat Empangan Paya Peda Hulu Besut jarang ditemui di tempat lain di dunia ini dan apa yang membuatnya lebih unik ialah kerana mempunyai struktur tumbuhan yang lengkap dari akar hingga pucuk dan debunga.

“Hasil daripada kajian awal yang dilakukan, potensi untuk menemui fosil serangga, ikan dan haiwan lain agak tinggi apabila Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) kembali melakukan kerja lapangan kelak. Adalah wajar kawasan itu dipulihara,” katanya selepas menerima kunjungan 40 orang pelajar luar negara dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di kediamannya di Kampung Alor Keladi.

Semalam, pelajar-pelajar berkenaan melakukan lawatan ke tapak penemuan fosil tersebut.

Fosil yang dipercayai berusia antara 270 hingga 350 juta tahun itu ditemukan tiga tahun lalu oleh sekumpulan pengkaji bumi di satu kawasan bukit berhampiran projek pembinaan empangan tersebut yang telahpun diwartakan sebagai objek warisan.

Katanya, bagi memanfaatkan penemuan bermakna fosil yang menyimpan sejarah alam itu, JMG akan bekerjasama dengan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA) untuk membuka sebuah galeri.

“Galeri ini akan memuatkan fosil yang dijumpai di empangan tersebut di samping maklumat penting berkaitan biodiversiti serta replika fauna yang terdapat di kawasan sekitarnya.

“Bantuan kepakaran daripada UniSZA dan juga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan diminta untuk melengkapkan galeri tersebut agar dapat dibuka kepada umum sebagai sumber pendidikan,” kata beliau lagi.

Di samping itu, Nawi memberitahu, cadangan untuk menjadikan sebahagian daripada daerah Besut dan Setiu sebagai Geopark Kebangsaan juga telah dimasukkan dalam Rancangan Struktur Negeri Terengganu (2020-2035). - UTUSAN ONLINE